



## Soalan

**S**AYA berusia 19 tahun dan berasal dari keluarga sederhana. Dua tahun lalu, ketika ingin menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saya mendapat tahu ayah mempunyai hubungan dengan perempuan lain.

Saya mula mengesyakinya pada pertengahan 2008 lalu namun saya bukanlah jenis orang yang hanya berdiam tanpa membuat tindakan.

Apabila tiba bulan Ramadan ketika ayah dan ahli keluarga lain pergi menunaikan solat Tarawih, saya membaca mesej ayah.

Ternyata tekaan dan sangkaan saya selama ini tepat. Sejak daripada itu, sikap saya terhadap ayah sedikit dingin namun tidak sanggup hendak menceritakannya kepada ibu kerana saya yakin hatinya akan luluh.

Sehingga hari ini saya menyimpangnya dan perubahan ayah semakin teruk.

Sekarang dia kerap balik hingga lewat malam sekitar jam satu atau dua pagi.

Kadang-kadang saya terfikir, sebagai isteri tidakkah ibu merasainya seperti mana saya rasai?

Saya tertanya-apa, apakah yang mereka inginkan daripada ayah kerana kami bukanlah hidup dalam kemewahan. Saya sendiri tidak dapat menjamin tindakan saya andai kata berdepan dengan makhluk begini.

Sejak itu, saya amat membenci lelaki yang curang terhadap isterinya sehingga terlalu berhati-hati dalam mencari pasangan kerana tidak ingin kejadian serupa berulang.

Perkara ini membuatkan saya tertekan dan tidak boleh meluapkannya walaupun sesaat.

Saya harap Dr dapat membantu menyelesaikan masalah yang menghantui fikiran saya ini sejak bertahun lamanya.

**TERTEKAN  
Melaka**

## Jawapan

**T**EKANAN dan kekecewaan yang adik alami mempunyai sebabnya dan Dr memahami perasaan itu serta bersifat empati.

Tentunya sebagai seorang anak, adik inginkan ibu bapa mempunyai sebuah perkahwinan bahagia tanpa ada mana-mana pihak yang curang.

Hasil kecurangan ayah, pelbagai persoalan bermain di fikiran sehingga membentuk pola pemikiran, tingkah laku dan cara adik memilih bakal pasangan.

Sikap ayah yang curang me-

# Ayahku ada perempuan simpanan

## Remaja terganggu emosi memikirkan kecurangan dan nasib ibunya

**Sebagai anak, adik boleh memberitahu perasaan kecewa adik terhadap sikap ayah kepadanya. Namun ini bukan jaminan ayah akan memberhentikan sikap curangnya itu. Sekurang-kurangnya adik sudah meluahkan ayah bagaimana perasaan yang ditanggung. Untuk memberitahu ayah apa yang adik rasakan juga bukan perkara mudah. Sebab itu, sehingga kini adik tidak meluahkan perasaan kecewa dan mendiamkan terhadap perbuatan curang ayah itu.**

mang akan memberi kesan kepada hubungan rumah tangga. Dr seperti adik juga tidak pasti sama ada ibu mengetahui mengenai hubungan sulit ayah dengan wanita lain.

Sebagai seorang isteri, banyak pertimbangan perlu diambil kira apabila mengetahui suaminya mencintai wanita lain.

Ada isteri yang tidak mahu bersuamikan lelaki curang akan meminta untuk tidak lagi bergelar isteri kepada lelaki itu. Namun, ramai juga isteri yang membuat pertimbangan untuk mengekalkan rumah tangga kerana sebab-sebab tersendiri. Antara yang menjadi faktor utama sebuah pasangan kekal dalam rumah tangganya ialah memikirkan

kebaikan anak-anak.

Ibu mungkin cuba mempertahankan perkahwinannya walaupun ternyata ayah mempunyai perempuan lain. Jika ini berlaku kepada ibu adik, tentu besar sekali pengorbanannya atas penderitaan dialami.

Seorang wanita menjalinkan hubungan dengan suami orang bukan saja disebabkan faktor kewangan. Sebab penarik lain seperti kasih sayang, sikap mengambil berat dan cinta juga adalah penyebab kepada sebuah hubungan terlarang.

Ini boleh menjawab persoalan yang bermain di fikiran adik mengenai apakah wanita itu inginkan dari ayah.

Memang sukar bagi seorang anak untuk mencampuri urusan ibu bapa terutama dalam soal yang membabitkan hati dan perasaan.

Sebagai anak, adik boleh memberitahu perasaan kecewa adik terhadap sikap ayah kepadanya. Namun ini bukan jaminan ayah akan memberhentikan sikap curangnya itu. Sekurang-kurangnya adik sudah meluahkan ayah bagaimana perasaan yang ditanggung.

Untuk memberitahu ayah apa yang adik rasakan juga bukan perkara mudah.

Sebab itu, sehingga kini adik tidak meluahkan perasaan kecewa dan mendiamkan terhadap perbuatan curang ayah itu.

Sikap curang ayah ternyata membentuk sikap dan pemikiran adik dalam memilih pasangan. Adik kini amat membenci bakal pasangan yang curang selain

sangat berhati-hati. Sikap terlalu berhati-hati ini boleh menyebabkan adik amat sukar memilih calon nanti. Ini kerana adik sudah mempunyai satu pemikiran awal mengenai lelaki curang. Walaupun bersikap berhati-hati dalam memilih pasangan adalah baik, apabila ia terlalu diberi perhatian, adik akan kecewa nanti.

Satu persoalan yang timbul ialah bagaimana adik dapat mengetahui bakal calon pasangan akan terus setia dan tidak akan berlaku curang sepanjang perkahwinannya dengan adik. Perkara ini amat sukar diukur kerana adik tidak akan mengetahui apa yang akan berlaku pada masa depan.

Apa yang adik boleh lakukan ialah mengubah pemikiran agar sebuah perkahwinan tidak diwarnai dengan kecurangan ialah pihak suami isteri dapat memenuhi keperluan masing-masing.

Soal keperluan emosi, kasih sayang dan seksual adalah antara faktor yang boleh mengikat sebuah perkahwinan.

Suami atau isteri boleh berlaku curang jika keperluan diri tidak dipenuhi dan cinta terhadap pasangannya tidak cukup kuat. Daripada terlalu berhati-hati dalam memilih calon, adik boleh memikirkan dan seterusnya berusaha (apabila sudah berkahwin nanti) untuk mewarnai rumah tangga dengan keindahan supaya pasangan tidak curang. Ini boleh menghalang adik daripada merasa takut sifat curang ayah akan berulang dalam perkahwinan adik.

# Ibu tidak suka bakal jurutera berniaga

## Soalan

**S**AYA tergerak berkongsi dilema yang dihadapi dan diharap Dr dapat membantu.

Untuk pengetahuan, saya kini di semester akhir pengajian di sebuah institusi pengajian tinggi swasta dalam bidang kejuruteraan dan bakal menamatkan pengajian dalam tempoh dua bulan.

Saya bukan pelajar yang mampu memperoleh keputusan cemerlang, justeru, tidak bercita-cita menjadi jurutera. Saya lebih berminat untuk menjalankan perniagaan sendiri dan bersyukur kerana tidak terikat dengan pihak penaja pengajian. Saya bebas memilih kerja.

Namun, saya perlu berbingcang dengan keluarga.

Bagaimanakah cara terbaik saya meyakinkan keluarga terutama ibu untuk merestui jalan yang bakal dipilih?

Saya bimbang jika mengecewakan keluarga kerana tidak berniat untuk menjadi jurutera.

Mereka tentu mengharapkan saya menjadi jurutera kerana mengambil aliran ini di universiti.

Baru-baru ini, saya bercakap dengan ibu supaya tidak menyewakan kedai miliknya kepada orang lain.

Namun, dia tidak setuju dan menyatakan saya akan mendapat kerja nanti.

Saya serius untuk menjalankan perniagaan sendiri kerana rasa puas melihat hasilnya.

Apa perlu saya lakukan untuk meyakinkan ibu? Dua kakak saya menyokong, tetapi ibu bukanlah jenis mudah dipujuk.

Buat pengetahuan, saya menjalankan perniagaan dalam talian secara sambilan di universiti sejak tahun kedua. Dengan duit keuntungan itu, saya bercadang untuk membuka kafe siber dan alat tulis di kampung yang terletak di pinggir bandar manakala kedai kepunyaan ibu terletak di lokasi strategik.

**DALAM DILEMA  
Pahang**

## Jawapan

**P**ERNIAGAAN adalah pekerjaan mulia. Cita-cita untuk menjadi seorang ahli perniagaan berjaya sememangnya digalakkan. Di universiti, pelbagai program dilakukan dalam usaha menggalakkan mahasiswa menjadi seorang usahawan. Subjek keusahawanan juga ditawarkan di universiti.

Dalam adik cuba meyakinkan ibu mengenai cita-cita ingin menjadi ahli perniagaan, adik perlu menunjukkan sikap serius dan perancangan perniagaan yang jelas kepada ibu. Buat satu kertas kerja yang lengkap mengenai perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang apa yang akan adik lakukan untuk memulakan, mengembangkan dan memajukan perniagaan.

Contohnya, apakah jenis perniagaan yang adik ingin dicebur? Bagaimana modal untuk memulakan perniagaan, peluang atau agensi yang dapat memberi khidmat nasihat dan pinjaman, latihan bengkel perniagaan yang adik boleh ikuti. Tunjukkan kepada ibu contoh-contoh ahli perniagaan yang berjaya.

Sikap ibu yang tidak mudah dipujuk mungkin boleh dilenturkan jika adik menunjukkan sikap serius dan perancangan jelas serta teliti.

Minta juga sokongan kedua-dua kakak adik untuk memujuk ibu supaya bersetuju dengan cita-cita. Jelaskan kepada ibu, adik faham mengapa dia tidak menyokong keinginan adik untuk berniaga. Hormati pandangannya dan pada waktu sama, mohon ibu memberi sokongan padu atas cita-cita adik. Tunjukkan juga hasil positif perniagaan yang adik lakukan.

Dr doakan adik mampu memujuk ibu untuk menyokong cita-cita murni itu selain akan menjadi seorang ahli perniagaan berjaya hingga ke peringkat antarabangsa suatu hari nanti.